

## KHUTBAH JUMAAT

### 'RAMADHAN BERLALU, SYAWAL MENJELANG'

(23 Jun 2017M/ 28 Ramadhan 1438H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تَبَيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

#### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama menilai sejauh manakah diri kita telah bertaqwa kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Marilah kita suburkan lagi ketaqwaan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala suruhanNya dengan penuh rasa ketaatan, dan menjauhkan diri kita daripada segala laranganNya, dengan penuh rasa keinsafan dan kesabaran. Semoga tarbiah yang diterima daripada madrasah Ramadhan akan menjadikan diri kita lebih aktif berusaha ke arah kecemerlangan diri di dunia dan di akhirat. Pada hari ini mimbar akan menyampaikan khutbah yang bertajuk '**Ramadhan Berlalu, Syawal Menjelang**'.

#### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Kini, kita berada di penghujung bulan Ramadhan tahun 1438 hijri dan di ambang Syawal. Justeru, marilah kita menyoal diri masing-masing: adakah kita telah memanfaatkan dengan sepenuhnya tempoh sebulan yang berlalu? atau mensia-siakannya dengan maksiat dan bermalas-malasan dalam beribadah? Amat beruntunglah orang yang telah menggunakan sepenuhnya tempoh mereka berada dalam bulan Ramadhan yang mulia ini, dengan memperbanyakkan amal salih dan menjaga diri daripada segala perkara yang boleh mengurangkan pahala dan keberkatan puasanya. Mereka ini akan merasa amat sedih dengan berlalunya Ramadhan, kerana kelebihan dan

ganjaran yang pelbagai dan berlipat kali ganda disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada para hambaNya dalam bulan ini, akan berakhir dengan ketibaan Syawal.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, Allah *subhanahu wata'ala* telah menyediakan berbagai ganjaran yang besar bagi orang yang melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna. Antara ganjaran bagi mereka yang menyempurnakan puasanya ialah memperolehi keampunan dari Allah *subhanahu wata'ala* atas segala dosanya. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* melalui sabdanya :

« مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ ، وَمَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ »

**Maksudnya :** “Sesiapa yang bangun pada malam lailatul qadar (mengerjakan amal ibadat) dengan penuh keimanan dan harapan (mendapat pahala), diampunkan dosanya yang telah lalu, dan sesiapa yang berpuasa bulan Ramadhan dengan penuh iman dan penuh harapan (mendapat pahala) diampunkan dosanya yang telah lalu”.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Dosa-dosa yang akan diampunkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*, berdasarkan hadis tadi, ialah dosa-dosa kecil sebagaimana yang ditunjukkan oleh hadis-hadis lain. Manakala dosa-dosa besar pula adalah perlu kepada *taubat nasuha* bagi membolehkannya diampunkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Ganjaran dan kelebihan yang istimewa bagi orang yang menyempurnakan ibadah puasanya, tidak terhenti setakat itu sahaja. Malah mereka akan mendapat syafaat daripada puasa pada hari Kiamat. Begitu juga dengan orang yang banyak membaca al-Quran, dan beramal dengan isi kandungannya.

Selain itu, mereka akan diberi kemuliaan untuk masuk ke dalam syurga, melalui sebuah pintu yang khas bernama *al-Rayyan*. Kemuliaan ini hanya diberi kepada orang yang berpuasa Ramadhan dengan sempurna dan tidak diberi kepada orang lain. Inilah yang dijelaskan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sabdanya :

(( إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ : الرَّيَّانُ، يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ، يُقَالُ :  
أَيْنَ الصَّائِمُونَ ؟ فَيَقُومُونَ لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ، فَإِذَا دَخَلُوا أُغْلِقَ فَلَمْ يَدْخُلْ مِنْهُ أَحَدٌ ))

**Maksudnya :** "Sesungguhnya, di dalam syurga itu ada sebuah pintu yang disebut sebagai '*al-Rayyan*'. Orang yang berpuasa (Ramadhan) akan masuk melaluinya pada hari kiamat. Tidak akan masuk melaluinya seorang pun selain daripada mereka (orang yang berpuasa). Akan diseru : "Di manakah orang yang berpuasa?" Maka mereka akan bangun memasukinya, tidak akan masuk melaluinya seorang pun selain daripada mereka. Apabila mereka telah masuk, pintu itu akan ditutup. Maka tidak ada sesiapa pun lagi yang akan masuk melaluinya".

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Selain berpuasa yang dibicarakan itu, sudah menjadi satu kewajipan ke atas umat Islam untuk mengeluarkan zakat fitrah. Setiap individu muslim adalah wajib mengeluarkan zakat fitrah, untuk dirinya dan orang yang dalam tanggungannya, dengan syarat ia mempunyai lebih makanan, atau harta, daripada keperluan dirinya dan tanggungannya, pada malam dan pagi hari raya. Perlu ditegaskan bahawa anak yang lahir sebelum matahari terbenam pada hari terakhir Ramadhan, dan berterusan hidup selepas terbenam matahari, wajib dikeluarkan zakat fitrah baginya. Begitu juga halnya dengan orang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari pada hari terakhir Ramadhan, dan orang yang memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada

hari berkenaan dan berkekalan Islamnya sehingga terbenam matahari pada hari yang sama.

Bagi umat Islam di negeri Sarawak, nilai zakat fitrah yang perlu diserahkan kepada amil-amil yang telah dilantik oleh Majlis Islam Sarawak pada tahun 1438 hijri ini, ialah RM7.00 seorang. Semoga ibadat zakat yang ditunaikan bukan sahaja dapat menggembirakan golongan fakir miskin, bahkan dapat juga memberatkan timbangan amal kebajikan kita, ketika kita ditimbang di Padang Mahsyar kelak.

Berkaitan dengan hal ini, Allah *subhanahu wata'ala* menjanjikan ganjaran yang berlipat kali ganda bagi orang yang menunaikan zakat, dengan niat yang ikhlas semata-mata mengharapkan keredhaan Allah *subhanahu wata'ala*. Firman

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ  
سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 261 :

**Maksudnya :** “*Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya*”.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Pada saat-saat ini, ketibaan 1 Syawal,. atau Idil Fitri, sudah mula dirasai kehangatannya oleh kita bersama. Sudah tentu banyak persiapan yang telah kita lakukan. Malah ada juga yang akan menggunakan sepenuhnya kesempatan pada malam hari raya itu untuk melakukan sentuhan terakhir

sebelum tibanya hari yang ditunggu-tunggu; mereka sanggup berjaga malam untuk menghias rumah, memasak juadah dan sebagainya.

Apa yang penting dan perlu kita ingati bersama ialah hari raya adalah hari untuk kita meraikan kemenangan atas kejayaan kita melaksanakan perintah Allah *subhanahu wata'ala*, iaitu ibadah puasa. Oleh sebab itu, cara sambutan kita juga hendaklah tepat seperti yang dianjurkan oleh Islam, dan sesuai dengan syariatnya.

Hidupkanlah keistimewaan malam hari raya ini dengan ibadah '*qiamullail*' seperti solat tahajjud, solat tasbih, bacaan al-Quran, zikir dan doa. Elakkanlah hendaknya kesibukan kita dipenuhi dengan urusan persiapan hari raya sehingga meluputkan peluang kita bagi memperolehi rahmat Allah *subhanahu wata'ala* dengan beribadah pada malam hari raya berkenaan. Serikanlah sambutan idilfitri dengan ucapan takbir di mana sahaja kita berada, bermula dari terbenamnya matahari hari terakhir Ramadan, hinggalah sebelum bermulanya solat sunat Idilfitri pada keesokan harinya, iaitu 1 Syawal.

Selain itu, sebarang upacara atau keraian yang diadakan, juga hendaklah bersesuaian, tidak bercampur dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat seperti maksiat dan kelakuan yang menjolok mata. Biarlah aktiviti itu penuh bersopan dan beradab serta menyerlahkan rasa syukur, dan rasa gembira atas taufiq dan hidayah Allah hingga kita berjaya menyempurnakan ibadah puasa. Sesungguhnya, hanya dengan pertolongan Allah *subhanahu wata'ala* jualah kita semua dapat menyelesaikan kewajiban puasa, bertarawih, bertadarus al-Quran, beriktikaf, bersedekah dan melakukan amalan-amalan salih yang lain. Allah *subhanahu wata'ala* menjelaskan hal ini menerusi firmanNya di dalam surah Yunus, ayat 58:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

**Maksudnya :** *Katakanlah (wahai Muhammad): “Dengan kurnia Allah dan rahmatNya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan rahmatNya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan”.*

Akhirnya, marilah kita menggunakan kesempatan pada Hari Raya Puasa yang bakal tiba ini, bagi memperkukuh dan mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan antara ahli keluarga dan sanak saudara kita, serta ikatan persaudaraan dan silaturrahim antara sesama Islam, yang menjadi asas kekuatan umat Islam. Semarakkanlah amalan ziarah-menziarahi, dan saling bermaafan sesama kita, dengan mendahulukan kaum keluarga yang terdekat, iaitu ibu bapa, adik-beradik, saudara mara, dan seterusnya sahabat handai serta orang-orang Islam yang lain. Semoga dengan ini kita akan beroleh keredhaan Allah *subhanahu wata’ala* dan kebahagiaan di dunia serta di akhirat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

**KHUTBAH JUMAAT KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّبِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Islam Negara kami, khususnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Limpahkanlah kedamaian, keamanan, keharmonian, kemakmuran dan rahmatMu kepada negeri dan negara kami ini secara khususnya dan juga kepada semua negara umat Islam di seluruh dunia ini, Ya Allah.

Ya Allah ! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepadaMu sepanjang bulan yang agung ini Ya, Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami, Terimalah sembahyang kami, puasa kami, amalan-amalan sunat yang telah kami kerjakan, kekhusyukan kami, perhambaan kami dan sempurnakanlah segala kekurangan yang ada pada diri kami. Perkukuhkanlah peribadi kami dan umat Islam seluruhnya melalui pelaksanaan ibadat puasa yang kami kerjakan dengan penuh keikhlasan semata-mata untuk mendapatkan maghfirah dan keredaan-Mu. Ya, Allah. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Pada hari yang mulia ini juga, kami memohon ke hadratMu ya Allah, jadikanlah setiap individu generasi muda di kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini golongan yang beramanah, bertanggungjawab, dan berakhlak mulia agar dapat membentuk sebuah masyarakat yang baik, aman dan bertamadun, serta mendapat keampunan, keredhaan dan berkat daripadaMu, ya Allah. Peliharalah kami serta generasi yang mewarisi kami, daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ

وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ.  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.